



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN (AEM)
– KONSULTASI RAKAN DIALOG
ISNIN - RABU, 13 - 15 SEPTEMBER 2021**

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) – Konsultasi Rakan Dialog telahpun diadakan pada 13 - 15 September 2021, melalui persidangan video. Mesyuarat-mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi).
2. Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah dihadiri secara *virtual* oleh Menteri-Menteri Ekonomi dari sepuluh negara-negara anggota ASEAN (AMS), dan rakan-rakan dialog iaitu Australia; New Zealand; Republik Rakyat Cina; Kesatuan Eropah (EU); Hong Kong, China; Republik India; Jepun; Republik Korea; Persekutuan Rusia; Switzerland; United Kingdom (UK); dan Amerika Syarikat (US); dan juga Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.
3. Mesyuarat antaralain membincangkan mengenai perkembangan kerjasama ekonomi dan pelaksanaan beberapa inisiatif diantara ASEAN dan setiap rakan dialog, serta bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan global dan serantau terutamanya tindak balas terhadap kesan ekonomi dan pandemik COVID-19 dan seterusnya membincangkan kerjasama yang dapat dilaksanakan bagi mengurangkan impak penularan wabak dan usaha kearah pemulihan ekonomi.



The 20th AEM-Ministry of Commerce, China (MOFCOM) Consultations, 13 September 2021

4. Mesyuarat bertukar-tukar pandangan bagi memastikan persekitaran perdagangan dan pelaburan diantara ASEAN-China agar menjadi lebih kondusif, terbuka dan inklusif. Mesyuarat juga membincangkan mengenai kerjasama dalam (i) ekonomi rendah karbon dan ekonomi *circular*; (ii) e-dagang rentas sempadan dan transformasi digital MSME; (iii) pertukaran di antara dewan perdagangan dan perusahaan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, produk pertanian, bekalan perubatan, kenderaan, dan logistik; dan (iv) menegakkan Sistem Perdagangan Multilateral. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai perkembangan terkini bantuan Republik Rakyat China kepada ASEAN serta perkembangan terkini ekspo-ekspo perdagangan yang telahpun dan yang akan datang dianjurkan oleh Republik Rakyat China seperti *China-ASEAN EXPO (CAEXPO)* dan *China International Import Expo (CIIE)*. Mesyuarat juga telah membincangkan mengenai persiapan *24th ASEAN-China Summit* yang akan diadakan pada bulan Oktober 2021.

The 18th AEM-Republic of Korea (ROK) Consultations, 13 September 2021

5. Mesyuarat mengambil maklum mengenai laporan *ASEAN Korea Free Trade Agreement (AKFTA) Implementing Committee (AKIC)*, yang meliputi: (i) Pelaksanaan AKFTA, termasuk status ratifikasi *Third Protocol to Amend the AKTIG Agreement*; dan (ii) perkembangan lanjut liberalisasi mengenai produk *Sensitive Track* di bawah *ASEAN-Korea Trade in Goods Agreement (AKTIGA)*. Mesyuarat juga bertukar-tukar pandangan mengenai kemungkinan menaiktaraf Perjanjian AKFTA secara menyeluruh dalam konteks untuk mengembangkan amalan perniagaan moden, penandatanganan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) agreement* dan pemulihan pasca pandemik.



6. Mesyuarat mengambil maklum mengenai laporan perkembangan terkini berkaitani kerjasama ekonomi ASEAN-Korea termasuk perkembangan *Technology Advice and Solutions from Korea (TASK) Projects*, dan *ASEAN-Korea Standardization Research Center and the ASEAN-ROK Start-ups*. Selain daripada itu, mesyuarat juga mengambil maklum perkembangan perbincangan mengenai Memorandum Persefahaman mengenai penubuhan Penubuhan Pusat Inovasi Industri ASEAN-Korea. Mesyuarat juga membincangkan persiapan mengenai *22nd ASEAN-ROK Summit* yang akan diadakan pada bulan Oktober 2021 nanti.

AEM Troika Open-Ended Dialogue With Switzerland Trade Minister, 13 September 2021

7. Mesyuarat membincangkan, antarlainnya, mengenai Deklarasi Bersama Kerjasama antara ASEAN and European Free Trade Association (EFTA); dan mengenalpasti aktiviti kerjasama ekonomi yang konkrit di bawah *Practical Cooperation Areas 2022-2026* di antara ASEAN dan Switzerland.

The 24th AEM- Plus Three Consultations, 13 September 2021

8. Mesyuarat mengesahkan *ASEAN Plus Three Economic Cooperation Work Programme 2021-2022* dan mengambil maklum mengenai kemajuan pelaksanaan *ASEAN Plus Three Plan of Action (APT POA)* bagi mengurangkan impak Pandemik COVID-19 terhadap ekonomi.

The AEM-United States Trade Representative (USTR) Consultations, 14 September 2021

9. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkembangan pelaksanaan pelan kerja *2020-2021 ASEAN-US Trade and Investment Framework Arrangement (TIFA)* serta mengesahkan pelan kerja *2021-2022 ASEAN-US TIFA*. Mesyuarat juga diberi penerangan mengenai pengemaskinian aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di bawah *US-ASEAN Connect*



dan program bantuan teknikal Amerika Syarikat di bawah program "*Inclusive Growth in ASEAN through Innovation, Trade, and E-Commerce (IGNITE)*".

The 5th AEM-Hong Kong, China (HKC) Consultations, 14 September 2021

10. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkembangan pelaksanaan *ASEAN-Hong Kong, China Free Trade Agreement (AHKFTA)* dan *ASEAN-Hong Kong, China Investment Agreement (AHKIA)*. Mesyuarat turut mengesahkan cadangan untuk mengembangkan skop bagi *Economic and Technical Co-Operation (ECOTECH) Work Programme* dan mengambil maklum perkembangan pelaksanaan projek-projek di bawah *ECOTECH Work Programme*.

The 18th AEM-India Consultations, 14 September 2021

11. Mesyuarat, antarlainnya, membincangkan perkembangan pelaksanaan *ASEAN-India FTA*, serta mengesahkan perbincangan berterusan mengenai *Scoping Paper on the Review of the ASEAN-India Trade in Goods Agreement (AITIGA)*. Mesyuarat juga membincangkan mengenai persiapan *18th ASEAN-India Summit* yang akan diadakan bulan Oktober 2021 nanti.

The 17th AEM-European Union (EU) Consultations, 14 September 2021

12. Mesyuarat mengesahkan *ASEAN-EU Trade and Investment Work Programme 2021–2022*, serta membincangkan perkembangan laporan mengenai pembangunan *Framework Setting Out the Parameters of a Future ASEAN-EU FTA*.



The 10th AEM-Russia Consultations, 14 September 2021

13. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkembangan laporan pelaksanaan *Post-2017 ASEAN-Russia Trade and Investment Cooperation Work Programme*, serta mengesahkan *ASEAN-Russia Trade and Investment Cooperation Roadmap* dan *ASEAN-Russia and Investment Work Programme for 2021-2025* yang telah disemak semula. Mesyuarat juga mengambil maklum perkembangan terkini *Programme of Cooperation between ASEAN and Eurasian Economic Commission (EEC) for 2020-2025*.

The 26th AEM-ASEAN, Australia and New Zealand (Closer Economic Relations – CER) Consultations, 15 September 2021

14. Mesyuarat menyediakan perkembangan pelaksanaan dan perbincangan mengenai penaiktarafan *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Agreement*. Mesyuarat juga mengambil maklum kepentingan *AANZFTA Economic Cooperation Support Programme (AECSP)* dalam memberikan sokongan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha melaksanakan persetujuan AANZFTA dan memikirkan ke hadapan program penggantian seterusnya.

The 27th AEM-Ministry of Economy, Trade and Industry (METI) Consultations, 15 September 2021

15. Mesyuarat membincangkan mengenai laporan *ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership (AJCEP) Joint Committee* yang merangkumi: a) perkembangan pelaksanaan Perjanjian AJCEP; dan b) Ratifikasi dan penguatkuasaan Protokol Pertama bagi mengemaskinikan Perjanjian AJCEP. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkembangan laporan *ASEAN-Japan 10-Year Strategic Economic Partnership Cooperation Roadmap*, termasuk *ASEAN-Japan economic cooperation 2020-2021*, serta membincangkan mengenai perkembangan pelaksanaan *ASEAN-Japan Economic Resilience Action Plan*, dan *Dialogue for Innovative and Sustainable Growth (DISG)*. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai perkembangan pelbagai aktiviti *AEM and METI of Japan Consultations – Economic and Industrial Cooperation Committee (AMEICC)*



yang dijalankan untuk memudahkan integrasi ekonomi serantau. Mesyuarat juga membincangkan mengenai persiapan bagi 24th ASEAN-Japan Summit yang akan diadakan pada bulan Oktober 2021.

The 1st AEM-United Kingdom (UK) Consultations, 15 September 2021

16. Mesyuarat ini adalah kali pertama diadakan diantara ASEAN dan UK selepas UK mula menjadi rakan dialog ASEAN secara rasminya pada 5 Ogos 2021. Mesyuarat mengambil maklum aktiviti-aktiviti yang diadakan diantara *UK-ASEAN Business Council (UKABC)* dan membincangkan mengenai perkembangan kerjasama ekonomi ASEAN-UK 2020-2021. Mesyuarat mengesahkan *ASEAN-UK Joint Declaration on Future Economic Cooperation*.

The 9th East Asia Summit (EAS) Economic Ministers Meeting, 15 September 2021

17. Mesyuarat bertukar pandangan mengenai impak COVID-19 kepada ekonomi global dan serantau dan langkah-langkah yang diambil oleh *EAS Participating Countries* untuk mengurangkan impak tersebut. Pihak *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA)* juga mengongsikan hasil penyelidikan yang terkini, aktiviti-aktiviti dan input-input ke atas perkembangan utama ekonomi global dan serantau, termasuk cadangan-cadangan ke atas pemulihan pasca pandemik di Asia Timur. Pihak Sekretariat ASEAN juga memberi penerangan mengenai ramalan ekonomi global dan serantau bagi tahun 2022, serta langkah-langkah yang diambil oleh ASEAN sebagai tindak balas kepada pandemik COVID-19. Mesyuarat juga membincangkan mengenai persiapan bagi 16th East Asia Summit yang akan diadakan pada bulan Oktober 2021.